



JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

### KENYATAAN RASMI BIL. 15/2019

## KENYATAAN RASMI BERKAITAN GERHANA DAN SOLAT SUNAT GERHANA SEMPENA GERHANA MATAHARI SEPARA

Dengan ini dimaklumkan bahawa Gerhana Matahari Separa akan berlaku pada hari Khamis, 26 Disember 2019 masihi bersamaan dengan 29 Rabiul Akhir 1441 hijrah. Mengikut kiraan ilmu falak gerhana matahari akan berlaku bermula jam 11.18 pagi hinggalah jam 3.09 petang. Kemuncak gerhana matahari akan berlaku pada jam 1.11 tengahari ketika 85% matahari akan ditutupi oleh bulan.

Maka dengan itu, umat Islam di seluruh negeri Perak disarankan untuk melaksanakan solat sunat gerhana bagi memenuhi tuntutan sunat muakkad. Bagi masjid atau surau yang ingin melaksanakan solat sunat gerhana secara berjemaah maka dicadangkan agar dapat dilaksanakan selepas solat zuhur secara berjemaah. Bagi mereka yang ingin melaksanakannya secara individu boleh melaksanakan sepanjang masa berlakunya gerhana matahari tersebut.

Ringkasan Waktu Gerhana Matahari Separa :

Tarikh	Hari	Mula Gerhana	Kemuncak Gerhana	Tamat Gerhana
26 Dis 2019	Khamis	11.18 pg	1.11 tghr	3.09 ptg

Disediakan oleh :  
Bahagian Falak,  
Jabatan Mufti Negeri Perak.